



PROJEK INOVASI PENDIDIKAN BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



Disediakan oleh :
Seksyen Kualiti & Penyelidikan
Bahagian Pendidikan Islam
Jabatan Agama Islam Selangor

**PROJEK INOVASI PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR.**

1. TUJUAN

Prosedur ini adalah bertujuan untuk memaklumkan dan menerangkan kepada warga pendidikan mengenai pelaksanaan **Projek Inovasi Pendidikan**, Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor.

2. PENDAHULUAN

Projek Inovasi Pendidikan bertujuan memastikan kesinambungan Hasil Kajian Tindakan yang telah dilaksanakan oleh guru-guru Sekolah Agama Negeri Selangor terus dilaksanakan di sekolah berkenaan dan digunakan oleh sekolah-sekolah lain ke arah meningkatkan mutu pendidikan. Penambahbaikan harus dilaksanakan dengan harapan agar ianya memenuhi kriteria **Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS)** anjuran kerajaan Negeri .

3. JUSTIFIKASI / RASIONAL

1. Prosedur ini digunakan oleh Seksyen Kualiti dan Penyelidikan di Bahagian Pendidikan Islam dan Unit Pendidikan Islam di Pejabat Agama Islam Daerah dalam mengenal pasti kumpulan atau individu guru yang telah berjaya memperlihatkan keberkesanan hasil inovasi yang telah dihasilkan sama ada berbentuk **Bahan Pengajaran** atau **sistem pengurusan perkhidmatan**.

2. Kriteria ini diharapkan agar dapat memenuhi syarat **Anugerah Inovasi Pendidikan** menggantikan Anugerah Guru Inovatif dan Kreatif sempena Hari Guru dimana pemilihan berdasarkan Kajian Tindakan.

3. Prosedur ini merupakan satu usaha berterusan perancangan strategik inovasi BPI dalam **mentransformasikan organisasi** serta **meningkatkan Budaya Inovasi** dalam kalangan warga Pendidikan JAIS serta membangunkan kemahiran berfikir secara inovatif yang dapat dimasukkan dalam setiap latihan/kursus/bengkel/seminar dan sesi pembelajaran dalam organisasi.

4. OBJEKTIF

1. Memberi **pengiktirafan** kepada Hasil Inovasi yang diperkenalkan atau dicipta oleh guru atau kakitangan sekolah, Unit Pendidikan Islam atau Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor.
2. Menenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi yang **boleh dicontohi untuk faedah** sekolah atau agensi lain.

3. Menggalakkan warga pendidikan dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan **berimpak** di institusi masing-masing.
4. Sebagai *platform* kepada warga pendidikan dalam membudayakan kerja **cemerlang, kreatif dan berinovatif**.
5. Menyumbang kepada **peningkatan kualiti** penyampaian Pengajaran & Pembelajaran dan perkhidmatan kepada pelanggan.
6. Menyemarakkan **persaingan yang sihat** dalam kalangan warga pendidikan JAIS ke arah memperbaiki amalan pengurusan organisasi secara keseluruhan.

5. DEFINISI

INOVASI - Hasil cetus idea-idea yang kreatif dalam mana-mana aspek Pengajaran & Pembelajaran serta kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi . Hasil inovasi ini boleh merangkumi apa-apa perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah atau cara bekerja / mengajar mahupun pengenalan teknologi pendidikan.

KREATIF - Mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli

6. KONSEP ATAU CIRI-CIRI PROJEK INOVASI

1. IMPAK - Penjimatan kos / masa malah projek mempunyai impak kepada beberapa aspek pendidikan khususnya Pengajaran & Pembelajaran .
2. RELEVAN - Berkaitan rapat dengan organisasi dan agenda (isu) pendidikan global (terkini) merangkumi apa-apa perubahan kaedah atau cara bekerja daripada amalan sedia ada yang akhirnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan system penyampaian perkhidmatan pendidikan.
3. PASARAN - Bersifat boleh digunapakai / diseragamkan kepada pihak lain (guru-guru dan sekolah lain)
4. UNIK/BARU - Berbentuk inovasi / penciptaan baru dan belum dilakukan oleh mana-mana pihak (terbaik) harus juga berteraskan perekayasaan/penambahbaikan dalam menambahbaikan sesuatu penyampaian atau pengurusan perkhidmatan.

7. FAEDAH MELAHIRKAN PEKERJA /GURU YANG BERFIKIRAN INOVATIF DAN KREATIF

1. Mengeratkan perhubungan staf
2. Memupuk kerjasama kalangan warga kerja
3. Meningkatkan daya saing penjawat awam
4. Menjimatkan kos
5. Meningkatkan kualiti dan Produktiviti
6. Meningkatkan kemampuan pekerja
7. Memberi kepuasan bekerja
8. Meningkatkan Imej Perkhidmatan Awam
9. Mewujudkan budaya kerja berpasukan dan berprestasi tinggi

8. PERBEZAAN KAJIAN TINDAKAN DAN PROJEK INOVASI

KAJIAN TINDAKAN

1. Kajian terhad kepada guru dalam sekolah yang sama.
2. Terdiri daripada dua atau tiga orang guru yang melaksanakan PdP.
3. Penekanan kepada hanya aspek penyelesaian masalah PdP sahaja.
4. Teknik Penyelesaian masalah terhad kepada tajuk kecil dalam Mata Pelajaran yang diajar sahaja.
5. Memasukkan teknik penjanaan idea kreatif dan strategi penambahbaikan proses PdP.

PROJEK INOVASI

1. Keahlian terbuka dan merentasi semua sekolah /UPI /BPI.
2. Terdiri daripada guru atau pegawai di pelbagai peringkat jawatan.
3. Penekanan kepada aspek Inovasi dan Kreativiti, tidak terhad kepada penyelesaian masalah PdP.
4. Teknik penyelesaian masalah dipelbagaikan dan diperluaskan.
5. Memasukkan teknik penjanaan idea kreatif dan strategi penambahbaikan proses PdP dan pengurusan pendidikan.

9. PELAKSANAAN PROJEK INOVATIF DAN KREATIF

Strategi bagi melaksanakan Inovasi yang berkesan ialah :

1. Mewujudkan struktur Inovasi
2. Menyediakan Latihan yang berkesan dan berterusan
3. Memberi penghargaan dan pengiktirafan

10. SASARAN PENYERTAAN

1. Guru dan Pentadbir di sekolah
2. Pegawai dan kakitangan sokongan di UPI dan BPI

11. STRUKTUR DAN PERANAN

1. Jawatankuasa penyelararas pelaksanaan terdiri daripada :
 1. Peringkat sekolah – dipengerusikan oleh Guru Besar
 2. Peringkat daerah – dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Tadbir Agama Daerah
 3. Peringkat Negeri - dipengerusikan oleh Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan, BPI.
2. Sekretariat peringkat BPI adalah terdiri daripada :
 1. Penasihat : Ketua Penolong Pengarah
 2. Pengerusi : Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan
 3. Setiausaha : PPK Unit Latihan Kulaiti & Penyelidikan
 4. Naib Setiausaha : Penyelia Kanan Kualiti & Penyelidikan
 5. Ahli : Penyelia Pengurusan Pendidikan UPI,PAID
Penyelia Kualiti & Penyelidikan
 6. Urus setia : Seksyen Kualiti & Penyelidikan
3. Sekretariat peringkat daerah adalah terdiri daripada :
 1. Penasihat : Pegawai Tadbir Agama
 2. Pengerusi : Penolong Pegawai Tadbir Agama
 3. Setiausaha : Penyelia Pengurusan Pendidikan
 4. Naib Setiausaha : Penyelararas PKG
 5. Ahli : Penyelia Akademik
Penyelia Naziran
 6. Urus setia : UPI
4. Peranan Kumpulan Inovasi :

PENGERUSI	- Memastikan pelaksanaan budaya Inovasi dan Kreativiti sentiasa diselaras dan dipantau di peringkat sekolah, daerah dan Jabatan.
FASILITATOR	- Berhubung dengan semua peringkat pengurusan serta mendapat sokongan dan bantuan mereka di samping membimbing pasukan Inovasi
KETUA KUMPULAN	- Mengetuai kumpulan dalam merancang serta melaksanakan projek Inovasi menerusi sesi mesyuarat dan perbincangan
AHLI KUMPULAN	- Menyertai serta membantu kumpulan dalam merancang serta melaksanakan projek Inovasi sehingga berjaya dipersembahkan

12. TATACARA PENYERTAAN

Semua warga pendidikan JAIS yang ingin menyertai Anugerah Inovasi perlu menyempurnakan perkara-perkara berikut :

1. **Melengkapkan borang penyertaan di Lampiran A.**
2. Menyerahkan **Ringkasan Hasil Inovasi** dengan memberikan pernyataan berkaitan Hasil Inovasi di **Lampiran B.**
3. Menyerahkan **Laporan Hasil Inovasi (5 Naskhah berwarna)** dengan menggunakan format di **Lampiran C.**
4. **Ringkasan Hasil Inovasi** bersama **Laporan Hasil Inovasi** perlu disediakan dalam **Bahasa Melayu** dan menggunakan format **font Arial, bersaiz 12 dan 1.5 spacing.**
5. Borang penyertaan perlu dikemukakan bersama-sama dengan laporan Hasil Inovasi kepada **Urus Setia Anugerah Inovasi sebelum atau pada 19 April 2017**

13. TENTATIF PROJEK INOVASI

BIL.	PERKARA	TARIKH CADANGAN	TINDAKAN
1.	Membentangkan Prosedur Anugerah Inovasi dalam Mesyuarat Pengurusan kanan untuk persetujuan pelaksanaan.	11 Januari 2017	PPK ULKP
2.	Membentangkan Prosedur Anugerah Inovasi kepada Penolong Pegawai Tadbir Agama Daerah untuk sebaran ke UPI dan Sekolah.	23 Januari 2017	PPK ULKP
3.	Edaran makluman Prosedur Anugerah Inovasi dan Borang Penyertaan kepada semua guru dan Kakitangan di daerah.	15 -17 Februari 2017	Penyelia Pengurusan Daerah
4.	Mewujudkan kumpulan dan menyediakan maklumat kumpulan Menyediakan bahan dan Laporan Hasil Inovasi	20 Februari Hingga 31 Mac 2017	Pegawai /Guru Besar/Guru-guru
5.	Menyerahkan Borang penyertaan kepada Urus setia Daerah	03 April 2017	Ketua Kumpulan
6.	Penilaian Hasil Inovasi di peringkat Daerah	01 hingga 15 April 2017	Pen. PTAD
7.	Menyerahkan Borang penyertaan kepada Urus setia BPI Anugerah Inovasi	21 April 2017	Urus setia BPI
8.	Penyertaan seterusnya akan dinilai dan ditapis di Peringkat Urusetia anugerah Inovasi	26 hingga 28 April 2017	Urus setia BPI
9.	Lawatan pemeriksaan Hasil Inovasi di Premis	29 April hingga 3 Mei 2017	Panel Penilaian

10.	Pembentangan Hasil Inovasi oleh penyedia dan dinilai oleh Panel Penilaian Seminar Inovasi Ildas	18 Mei 2017	Ahli Kumpulan & Panel Khas
11.	Keputusan Panel akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Inovasi untuk disahkan dan diluluskan.	22 Mei 2017	Ketua Panel Penilaian
12.	Keputusan Anugerah Inovasi akan diumumkan pada hari Guru JAIS.	18 Mei 2017	Urus setia

14. PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

1. Anugerah Guru Inovatif dan Kreatif Sempena Hari Guru JAIS.
2. Dijadikan sebagai salah satu petunjuk prestasi utama atau KPI
3. Dipertimbangkan sebagai salah satu kriteria penilaian prestasi tahunan dan kenaikan pangkat
4. Lain-lain pengiktirafan yang sesuai

15. PENILAIAN

15.1 Pemarkahan

BIL.	KATEGORI PEMARKAHAN	% PEMARKAHAN
01.	Idea Idea yang dicetuskan dalam inovasi dinilai dari segi kretivitinya iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi inovasi tersebut.	20
02.	Hasil Inovasi(Output) Hasil Inovasi diukur dengan mengambil kira tahap pelaksanaan dan <i>replicability</i> sesuatu Inovasi.	30
03.	Impak (Outcome) Penilaian Impak akan dinilai berdasarkan kepada kriteria efisien (kecekapan) dan signifikan (kepentingan) sesuatu Inovasi tersebut.	40
04.	Penilaian Dokumentasi dan Persembahan Hasil Inovasi *Persembahan yang jelas terutama dari aspek teknikal, penggunaan visual, komunikasi oral dan pengucapan awam yang berkesan. * Dokumentasi Hasil Inovasi yang menerangkan dengan terperinci dan menyeluruh berkaitan projek.	10

15.2 Mekanisma Penilaian

Penilaian Hasil Inovasi seperti berikut :

1. Penyertaan peringkat pertama akan ditapis oleh Ketua agensi daerah berdasarkan kepada 2 kumpulan cadangan Hasil Inovasi
2. Penyertaan seterusnya akan diperhalusi dan ditapis di peringkat Panel Penilai Negeri bagi memastikan Hasil Inovasi yang dikemukakan adalah layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
3. Lawatan pemeriksaan hasil Inovasi akan dilakukan di premis sekolah atau sebarang lokasi yang dicadangkan oleh peserta pertandingan.
4. Hasil Inovasi seterusnya akan di bawa ke Jawatankuasa Penilaian untuk tujuan pembentangan oleh penyelia Hasil Inovasi dan dinilai oleh para Panel.
5. Keputusan Jawatankuasa Penilai akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Inovasi untuk disahkan dan diluluskan.

16. GANJARAN DAN PENGIKTIRAFAN

Cadangan Ganjaran dan pengiktirafan seperti berikut :

1. Tempat pertama RM 1000.00 berserta sijil.
2. Tempat kedua RM 800.00 berserta sijil.
3. Tempat ketiga RM 500.00 berserta sijil.

* Tertakluk kepada peruntukan semasa

17. PENUTUP

Hasil Inovasi serta Kajian Tindakan perlu dilihat secara positif kerana keduanya mempunyai kelebihan kompetitif atau komparatif. Perubahan persepsi perlu jelas tentang sumbangan strategi inovasi terhadap kejayaan organisasi dimana budaya inovasi berjaya meningkatkan serta mentransformasikan organisasi, khasnya kerja berpasukan, komunikasi, penglibatan kakitangan/guru dan kepercayaan warga pendidikan.

Inovasi dan Kreativiti bukannya aktiviti berasingan dalam pengurusan organisasi seperti MS ISO, program kualiti dan sebagainya. Bersesuaian dengan sifatnya yang kreatif usaha inovasi ini wajar dilaksanakan secara kreatif dan inovatif.

Usaha Inovasi BPI masih mengalami proses pembaharuan bersesuaian dengan perubahan dalam persekitaran pendidikan JAIS malah mampu bersaing dengan usaha Jabatan lain yang telah lama menyertai dan membudayakan Inovasi dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan.

Disediakan oleh :

Seksyen Kualiti & Penyelidikan

Bahagian Pendidikan Islam, JAIS.

**PENCALONAN GURU INOVATIF
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
MAKLUMAT CALON**

Nama Calon / Kumpulan :	No. K.P. Baru :
	Jantina :
Nama Sekolah :	
No Telefon : No Faks : E-mail:	
Jawatan di sekolah*	<ol style="list-style-type: none"> 1. 2. 3. 4. 5.
Kelulusan Akademik : Tahun / Institusi :	
Kelulusan Akademik : Tahun / Institusi :	
Tajuk / Tema Projek :	

- Jika penyertaan secara kumpulan, lengkapkan maklumat ahli dalam borang lain dan dilampirkan bersama borang pencalonan.

RINGKASAN HASIL INOVASI

Tajuk Hasil Inovasi

Nama Kumpulan / Sekolah / Agensi

Penerangan Hasil Inovasi

Kebaikan Hasil Inovasi

LAPORAN HASIL INOVASI

Guru hendaklah menyediakan satu penulisan yang mengandungi perkara-perkara berikut :

BIL.	PERKARA
1.	Tajuk / Tema Inovasi
2.	Sinopsis Inovasi
3.	Kumpulan Sasar dan Skop Liputan
4.	Latar Belakang *Kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan * Masalah-masalah yang dihadapi
5.	Objektif Inovasi
6.	Tarikh mula dan siap pelaksanaan
7.	Inovasi yang dilaksanakan * Bentuk bahan * Pengendalian * Perbelanjaan
8.	Bentuk kejayaan * Pengurangan kos operasi * Penjimatan masa * Peningkatan keberkesanan pengurusan atau pengajaran dan pembelajaran * Peningkatan dalam tahap kepuasan hati guru / pelajar/ pelanggan * Faedha-faedah lain.
9.	Keterangan lain yang berkaitan
10.	Cadangan & kesimpulan